

29/07/2001

`Saya tidak antikerajaan'

Hardi Effendi Yaacob

PERTAMA sekali, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Datuk Yong Teck Lee, calon Barisan Nasional di atas kemenangan besar beliau dalam pilihan raya kecil berkenaan.

Ia jelas membuktikan betapa beliau berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Likas yang mula disandanginya sejak 16 tahun lalu.

Bagi saya, ini juga sebagai petanda betapa penduduk Likas, selain rakyat Sabah secara keseluruhannya, menolak sebarang pakatan pembangkang di negeri berkenaan.

Ternyata, tidak sia-sialah saya mengeluarkan belanja sendiri (termasuk tiket penerbangan, tempat penginapan dan makan minum) bagi membantu jentera pilihan raya Barisan Nasional di sana, baru-baru ini.

Sebenarnya, `kemenangan besar' berkenaan bukannya milik individu, sebaliknya kejayaan kita bersama dalam Barisan Nasional, terutama dari kalangan parti komponennya termasuk Umno sendiri.

Di sini, saya ingin menyatakan bahawa saya menyokong penuh kerajaan yang ditubuhkan Barisan Nasional, begitu juga barisan pemimpinnya, terutama Perdana Menteri.

Malah, saya tidak pernah menjadi penyokong kuat parti pembangkang, selain membantu sebarang aktiviti antikerajaan seperti mana didakwa beberapa pihak sebelum ini.

Baru-baru ini, saya mendapat tahu wajah saya turut terpapar dalam salinan VCD (cakera padat video) aktiviti `Reformasi' yang diedar, selain dipasarkan secara meluas di kalangan orang ramai oleh sebuah parti pembangkang.

Untuk pengetahuan semua, ia berlaku secara kebetulan. Malah, saya sendiri pun tidak tahu bagaimana perkara ini boleh berlaku. Malah, tindakan mereka menggunakan wajah saya adalah di luar bidang pengetahuan saya.

Tidak ada seorang wakil parti pembangkang berkenaan bertemu saya untuk meminta izin mahupun kebenaran berhubung perkara itu. Jadi, mereka melakukannya tanpa izin dan kebenaran saya.

Ini jelas membuktikan saya kini menjadi `mangsa'. Bagi saya, parti pembangkang berkenaan memang suka menggunakan populariti orang lain, termasuk kelompok artis sendiri untuk kepentingan mereka.

Bagi saya, ini sudah boleh dianggap sebagai eksploitasi. Tidakkah parti pembangkang berkenaan sedar betapa tindakan mereka keterlaluan, melampau dan boleh mengaibkan orang lain.

Malah, ada ketikanya ia menyukarkan individu atau pihak yang menjadi `mangsa eksploitasi' mereka mengalami kesukaran untuk mencari rezeki. Tidak dinafikan, saya sudah pun mula merasai kesan negatifnya.

Kini, banyak pihak, terutama dari kalangan pemilik dan pengendali stesen televisyen di negara ini tidak mahu lagi menggunakan khidmat saya disebabkan perkara berkenaan.

Apabila diminta penjelasan lanjut, mereka tidak pula berbuat demikian. Ada pula yang sekadar menyatakan `ini arahan pihak atasan'. Tidak pula saya pasti siapa yang dimaksudkan dengan `pihak atasan' itu.

Ini cukup menyedihkan saya, tapi mereka tidak boleh dipersalahkan sama sekali. Lagipun, mereka sekadar menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

Itu hak mereka. Bagi saya, mereka pun mahu mencari jalan selamat atau

dalam istilah Inggerisnya, they want to play safe.

Saya tidak pernah patah semangat untuk membersihkan semula nama baik saya. Ini termasuk mengadakan pertemuan dengan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob bersama timbalannya, Datuk Khalid Yunus bagi memberikan penjelasan berhubung perkara ini.

Alhamdulillah, ia membuahkan perkembangan positif. Usaha terakhir saya adalah tampil dengan kenyataan dalam surat khabar seperti mana dilakukan ini. Biar semua orang tahu apa yang sudah terjadi kepada saya, begitu juga pegangan dan pendirian saya.

Dengan penjelasan ini, saya berharap supaya maruah dan nama baik saya akan `bersih' semula dan `periuk nasi' saya tidak lagi disekat.

Seperkara lagi, saya ingin memohon maaf secara terbuka kepada semua pemimpin negara dan pucuk pimpinan Umno, terutama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jika ada `keterlanjuran' dan `keculaparan' saya yang menyinggung mereka sebelum ini.

Kini, saya sudah sedar segala kesilapan lalu. Malah, saya sudah serik dan amat menyesalinya. Cuma, saya berharap supaya mereka dapat menerima permohonan maaf ini.

Helmi Harun atau Helmi & The Gimmicks adalah manusia biasa yang tidak pernah terlepas daripada melakukan sebarang kesalahan... nobody is perfect.

Tapi, berilah peluang kepada saya untuk memperbetulkan apa yang tidak betul, selain memperbaiki segala kelemahan sedia ada pada diri ini. Buah cempedak di luar pagar... Ambil galah tolong jolokkan, saya budak baru belajar... Kalau salah tolong tunjukkan.

Sesungguhnya, setiap kebaikan itu datangnya dari Tuhan dan setiap keburukan datang dari saya sendiri.

(END)